

Headline	41,000 akaun Tabung Haji tidak aktif		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	17 May 2017	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	32	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	109 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,433
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,299



## 41,000 akaun Tabung Haji tidak aktif

**KUALA LUMPUR 16 Mei** - Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) akan memindahkan sebanyak 41,000 akaun pendeposit yang tidak melakukan sebarang transaksi melebihi tujuh tahun ke kumpulan Akaun Tidak Aktif bermula 3 Jun ini.

Tabung Haji dalam satu kenyataan menjelaskan, kesan daripada pemindahan itu akan menyebabkan akaun-akaun tersebut tidak menerima hibah.

Berikutan itu, Tabung Haji menasihatkan para pendeposit terbabit mengaktifkan semula akaun mereka dengan melakukan sebarang transaksi.

“Para pendeposit yang mempunyai akaun tidak aktif boleh mengaktifkan semula akaun masing-masing dengan melakukan transaksi seperti memasukkan atau mengeluarkan wang selain mengemas kini maklumat seperti alamat, nombor telefon dan penamaan waris di mana-mana cawangan Tabung Haji, Bank Islam dan Bank Rakyat di seluruh negara,” menurut kenyataan itu.

Tabung Haji memberitahu, pendeposit yang kehilangan buku akaun boleh datang ke mana-mana cawangan dengan membawa kad pengenalan bagi

tujuan semakan, penggantian buku baharu dan kemas kini maklumat.

“Sekiranya ada dalam kalangan pendeposit yang telah meninggal dunia, waris masih boleh membuat permohonan untuk menuntut jumlah amaun yang diklasifikasikan sebagai Akaun Tidak Aktif dengan mengemukakan dokumen berkaitan.

“Kemas kini akaun juga bertujuan memudahkan Tabung Haji menghubungi bakal-bakal haji serta mengelakkan kes surat tawaran haji tidak diterima kerana bertukar alamat,” jelas kenyataan itu.